



## MITBA mahu jadi pengawal selia persendirian

KUALA LUMPUR 23 Julai – Persatuan Broker-Broker Insurans dan Takaful Malaysia (MITBA) berhasrat menjadi pengawal selia persendirian pada akhir September 2009 bagi mewakili kepentingan para broker dan pembeli insurans.

Pengerusi MITBA, Mohamad Abdullah berkata, pihaknya ingin mempunyai hak autonomi dalam mengawal selia urusan dan penyelarasan fungsi persatuan itu yang kini dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

“Sebuah pasukan petugas yang diwujudkan MI-

TBA tahun lalu sedang bekerjasama dengan BNM untuk membangunkan rangka kerja tetapi masih pada tahap awal.

“Bagaimanapun, BNM telah bersetuju untuk membenarkan kami mengendalikan urusan pentadbiran manakala mereka hanya mengeluarkan lesen,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran sempena pertukaran nama MITBA daripada Persatuan Broker-Broker Insurans Malaysia (IBAM) di sini hari ini.

Menurut Mohamad, setakat ini, broker menguasai 36.9 peratus daripada

jumlah premium insurans bukan bermotor yang bernilai RM5.65 bilion.

“Kami yakin dapat mengembangkan penguasaan pasaran MITBA dengan menyediakan perkhidmatan ‘nilai tambah’ kepada pelanggan,” katanya.

MITBA menyediakan para broker ruang untuk membincang dan menyelesaikan isu-isu untuk kepentingan bersama.

MITBA mempunyai 38 ahli yang terdiri daripada 29 broker komposit yang menawarkan kedua-dua insurans konvensional dan takaful, empat broker takaful dan lima broker insurans konvensional.

Sementara itu, mengulas sama ada bilangan ahli dalam MITBA cukup untuk mengembangkan industri tersebut, beliau berkata, buat masa ini, jumlah itu bersesuaian dengan pasaran broker.

“Ini kerana kami hanya mengawal 36 peratus pasaran itu dan masih mempunyai ruang untuk berkembang.

“Walaupun sebanyak 85 peratus pasaran dikuasai oleh broker asing manakala yang bakinya tempatan, tetapi kami optimis broker tempatan mampu membangunkan industri insurans di negara ini,” kata beliau.